



**1039 PERANAN KAUNSELING ISLAM DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL REMAJA: SATU KAJIAN DI PERTUBUHAN KEBAJIKAN DARUL ISLAH MALAYSIA (PERKID)**

Ain Nathasha binti Omar & Muhammad Izhar Fahmi bin Ezani  
[\(ainnatashaomar@kuis.edu.my\)](mailto:ainnatashaomar@kuis.edu.my) [\(ezha\\_ezany@yahoo.com\)](mailto:ezha_ezany@yahoo.com)

### **Abstrak**

*Remaja merupakan aset pada masa hadapan, bukan sahaja terhadap negara, malah bangsa dan juga agama. Namun, kebelakangan ini remaja sering dikaitkan dengan masalah sosial yang semakin menjadi-jadi. Ini ekoran tiada tindakan yang sewajarnya diambil bagi menangani masalah ini daripada berlaku. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang Peranan Kaunseling Islam Dalam Menangani Masalah Sosial Remaja yang digunakan dalam pusat pemulihan remaja di sebuah institusi bukan kerajaan. Kajian ini tertumpu kepada dua objektif iaitu faktor-faktor berlakunya masalah sosial dikalangan remaja, dan pendekatan kaunseling yang paling sesuai digunakan bagi menangani masalah sosial. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan instrumen temu bual terhadap tiga orang pegawai dan empat orang pelajar. Hasil kajian menunjukkan faktor utama berlaku masalah sosial adalah kerana pengaruh rakan-rakan. Manakala pendekatan yang digunakan merupakan pendekatan kaunseling Islam yang menekankan aspek rohani atau spiritual dengan menggunakan kaedah 5B iaitu, berubat, bertaubat, beribadah, bermujahadah, dan berhijrah. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan bagi pelbagai pihak menerusi pendekatan yang dilakukan dalam menangani masalah sosial remaja yang semakin membimbangkan.*

**Kata kunci:** Peranan, Kauseling Islam, Masalah Sosial, Remaja.

### **1.0 PENDAHULUAN**

Kaunseling memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang manusia. Hal ini adalah kerana setiap insan memerlukan seseorang bagi berkongsi masalah tidak kira suka maupun duka. Namun begitu, tidak semua masalah dapat diselesaikan dengan satu cara sahaja, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi membantu seseorang yang bermasalah itu. Menurut Akta Kaunselor 1998 (Akta 580), kaunseling merupakan satu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat berlandaskan etika kaunseling untuk mencapai satu



perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistic baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan kemajuan dan penyesuaian itu akan berterusan sepanjang hayat klien.

Manakala menurut Islam, kaunseling merupakan satu konsep perkhidmatan pertolongan berasaskan pengabdian diri (ubudiyyah) kepada Allah serta berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kaunseling Islam bukan sekadar bermaksud memberi bantuan untuk menyelesaikan masalah, tetapi juga merupakan satu perkhidmatan pertolongan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dengan berlandaskan ruang lingkup yang telah digariskan oleh Islam (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Binti Che Husain, 2006). Menurut Hassan (1983) pula, kaunseling Islam adalah suatu proses pengajaran dan pembelajaran psikososial yang berlaku dalam bentuk bersemuka antara seorang pakar dalam psikologi kaunseling atau kaunselor dengan seorang individu lain yang ditujukan kaunseling itu atau klien.

Usaha menangani permasalahan sosial dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan persendirian. Antara kaedah dan pendekatan yang dijalankan adalah melalui perkhidmatan kaunseling, tidak kira kaunseling Barat mahupun Islam. Usaha ini dilaksanakan untuk membantu para remaja yang terlibat dengan permasalahan sosial menjalani aktiviti pemulihan dan kesedaran agar mereka kembali ke pangkal jalan agar dapat menjamin kesejahteraan hidup.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Remaja merupakan golongan pewaris kepimpinan hari ini dan penerus wawasan negara. Kepesatan pembangunan ekonomi dan teknologi telah memberi kesan kepada pembangunan sosial dan insaniah remaja. Kerajaan serta pelbagai pihak lain harus berusaha untuk mendidik remaja di dalam membentuk remaja yang berkualiti untuk memimpin negara dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Namun, di dalam zaman siber ini,



keruntuhan akhlak di kalangan remaja semakin membahayakan hingga menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat.

Menurut Athira Abdul (2013) kajian sepanjang tahun 2010 sebanyak 5165 kes yang melibatkan remaja dilaporkan, masing-masing 1947 adalah kes yang membabitkan pelajar dan 3218 kes yang dilakukan oleh bukan pelajar, dapat dilihat peningkatan 38 peratus ke 43 peratus berbanding 2009. Isu yang dibahaskan dalam kajian ini ialah mengenai masalah sosial remaja yang semakin membimbangkan. Masyarakat hari ini cukup terganggu secara fizikal, mental, emosi dan spiritual dengan pelbagai kegiatan jenayah yang berlaku hampir setiap hari. Kebanyakannya memfokuskan kepada remaja dan masalah sosial itu tiada hentinya untuk dibicarakan.

Berita Harian yang bertarikh 25 Julai 2018 dan ditulis oleh Mohd Anwar Patho Rohman menyatakan pada 2017, jumlah mangsa rogol bawah umur 18 tahun ialah 1,257 daripada 1,582 orang. Jumlah mangsa sumbang mahram di bawah usia 18 tahun pula ialah 253 daripada 296 orang, manakala jumlah mangsa perbuatan seks luar tabii pula ialah 234 daripada 375 orang. Daripada statistik ini, dapat diihat bahawasanya isu dan masalah ini semakin menjadi-jadi dari hari ke hari sehingga telah membimbangkan banyak pihak. Gejala kurang sihat ini dapat dikatakan berlaku kerana para remaja kurang perhatian daripada ibu bapa, khususnya bagi ibu bapa yang bekerja di bandar yang sibuk bekerja sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Akibatnya, anak-anak terasa kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa lalu mula mencari jalan keluar untuk mendapatkan perhatian.

Remaja pada abad ini kebanyakannya lebih mementingkan keseronokan sementara dan tidak memikirkan perkara pada masa akan datang. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling terhadap remaja memainkan peranan yang penting dalam membantu remaja menyelesaikan masalah. Menurut Chan Gaik Sim (1985), Ramachadran (1985), Sabariah (1996, Miranda dan Storms (1998) mengatakan terdapat banyak kajian berkaitan peranan perkhidmatan kaunseling dalam



membantu remaja yang menghadapi masalah sosial. Namun, sejauh manakah pengetahuan remaja terhadap perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka ini? Menurut Zuria (2005) pendekatan kaunseling menggunakan tiga elemen asas iaitu komunikasi berkesan, pengetahuan psikologi remaja, dan pelbagai strategi penyelesaian masalah bergantung kepada teori yang dipilih. Oleh yang demikian, perlunya perkhidmatan kaunseling serta pendekatan yang mampu mendidik remaja agar mereka dapat mencorak masa depan mereka dengan lebih teratur dan mampu menjadi penyambung warisan Negara.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Menghuraikan faktor-faktor penyebab berlakunya masalah sosial.
2. Menjelaskan pendekatan kaunseling yang digunakan di Pertubuhan Kebajikan Darul Islam Malaysia (PERKID).

## 3.0 FAKTOR BERLAKU MASALAH SOSIAL

Masalah sosial secara umumnya merangkumi pelbagai perlakuan negetif anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat atau Negara. Masalah sosial dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu secara umum yang melibatkan semua pihak samada tua atau muda dan secara khusus iaitu yang melibatkan golongan remaja (Zulkifli Mohd Yusoff, 2011). Masalah sosial ini terdiri daripada penyalah gunaan dadah, gangster, melepak, khalwat, minum arak, lari dari rumah, gejala bohsia, pelacuran dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) dalam kajiannya iaitu Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka, yang mengfokuskan terhadap faktor-faktor permasalahan dikalangan remaja antaranya berkaitan



dengan latar belakang diri sendiri. Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial adalah pelajar-pelajar yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Mereka juga sentiasa menginginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan.

Kajian juga mendapati bahawa pelajar-pelajar terlibat dalam masalah sosial kerana mereka mahukan perhatian dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Pelajar-pelajar dalam kajian ini juga menyatakan mereka sering marah dan tidak puas hati apabila sesuatu kehendak mereka dihalang. Aspek ini adalah antara sebab mereka melibatkan diri dalam masalah sosial. Justeru, kegagalan remaja dalam mencari identiti diri menyebabkan remaja terjerumus untuk melakukan masalah sosial. Kurangnya bantuan daripada keluarga dan keadaan sekeliling juga memburukkan lagi keadaan apabila remaja gagal membentuk identiti mereka.

Selain itu juga ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi seseorang itu. Ibu bapa juga merupakan antara pengaruh utama dalam kehidupan seseorang remaja. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjelaskan masa depan mereka yang boleh menyebabkan mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan (Rohayati, 2004). Dapatkan kajian ini mendapati bahawa ciri-ciri tingkah laku keluarga secara keseluruhannya berada pada tahap yang rendah terhadap tingkah laku devian remaja. Manakala faktor tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kebanyakannya ibu bapa remaja devian secara keseluruhannya mempunyai kepatuhan terhadap agama. Secara keseluruhannya, melalui kajian yang telah dilakukan ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengaruh keluarga bukanlah menjadi punca utama remaja bertingkah laku devian dan juga menjadi penyebab mereka terjerumus kearah masalah sosial. Hanya faktor tingkah laku keluarga sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja.



Muhd Mansur dan Siti Nordinar (1988) menjelaskan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang banyak terhadap tindakan dan perlakuan seseorang. Hal ini kerana, mereka mengalami banyak pertukaran fizikal, perkembangan sosial dan psikologi yang sama. Othman Md Johan dan Norazmah Mohamad Roslan (2010) di dalam kajiannya yang bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah dan bertempat di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Dapatkan kajian menunjukkan rakan-rakan remaja sering mengajak remaja melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Perkara ini berkemungkinan berlaku kerana mereka percaya apa yang dilakukan oleh rakan mereka adalah betul dan boleh mendatangkan keseronokan. Berdasarkan analisis yang diperolehi didalam kajian ini, responden terlibat dalam masalah sosial disebabkan mahukan kemewahan, lantas mereka kerap mencuri bersama dengan rakan-rakan.

Kajian oleh Mohamad Faizal Mohammad (2014) yang bertajuk Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes, menunjukkan remaja yang tidak menekankan nilai-nilai kehidupan beragama yang sepatutnya menjadi amalan seorang yang beragama Islam. Perkara pokok dan asas Islam seperti solat tidak dikerjakan dengan sebaiknya dan perkara yang sama juga dilakukan oleh kedua ibu bapa responden. Jika dinilai dari sudut sahsiah, secara relatifnya seseorang yang mempunyai pegangan agama yang longgar akan mudah terjerumus ke arah masalah sosial yang wujud. Ini jelas menunjukkan ketirisan nilai keagamaan dalam kehidupan menjadi asas kepada masalah sosial yang berlaku.

Walau bagaimanapun, Othman Md Johan dan Norazmah Mohamad Roslan (2010) di dalam kajian lain yang bertajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah dan bertempat di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item berdasarkan objektif kajian. Berdasarkan persekitaran di sekolah, kajian mendapati remaja terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan sikap guru yang selalu memberi perhatian yang lebih kepada pelajar yang lebih pandai. Dapatkan kajian juga mendapati suasana pembelajaran di dalam kelas amat membosankan responden. Oleh itu, aspek ini menjadi sebab responden terlibat



dalam masalah sosial. Dapatan kajian ini juga membuktikan, remaja terlibat dalam masalah sosial disebabkan tekanan yang diberikan oleh guru untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Selain itu, Selain itu, guru juga melakukan perbuatan yang tidak elok seperti merokok dan sekolah kurang mengadakan aktiviti-aktiviti bercorak motivasi. Oleh yang demikian, aspek ini menjadi tekanan kepada pelajar dan menyebabkan pelajar mula melakukan tindakan yang tidak bermoral mahupun masalah sosial.

#### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Data bagi artikel ini diperolehi daripada hasil perbincangan dan kutipan langsung daripada penyataan responden tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam temu bual. Selain daripada itu bahan bertulis juga dijadikan sebagai rujukan iaitu dengan melihat petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah. Pengumpulan utama data untuk kajian ini diperoleh melalui iaitu teknik temu bual yang dilakukan terhadap Pegawai yang bertugas di Pertubuhan Kebajikan Darul Islam Malaysia (PERKID). Seterusnya data temu bual diperolehi menerusi transkripsi dan dialanisis secara manual. Oleh itu, melalui kaedah dan metod yang dinyatakan pengkaji dapat mengkaji peranan kaunseling Islam dalam menangani masalah sosial remaja.

#### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

##### **5.1 Faktor Berlaku Masalah Sosial**

Masalah sosial dikalangan remaja mula menjadi fenomena apabila remaja merasakan mereka sudah akil baligh dan cukup umur. Menurut Fatimah Yusuf (2015) remaja ialah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Pada peringkat usia ini, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka, akan mengundang perasaan ingin tahu dalam kalangan remaja. Secara tidak langsung membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut. Kajian mendapatkan



terdapat tiga faktor utama remaja terjebak dengan gejala sosial yang dimasukkan kedalam Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID) iaitu diri sendiri, pengaruh rakan sebaya dan keluarga.

### **Diri Sendiri**

Faktor utama yang diperolehi daraipada kajian ini menunjukkan remaja yang dirujuk ke PERKID tidak mempunyai asas dan pegangan yang kukuh terhadap diri sendiri. Mereka mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling dan suka melakukan perkara-perkara yang mencabar diri. Ini kerana, mereka merasakan sudah tiba masanya untuk mereka keluar dari kepompong kanak-kanak dan melakukan perkara-perkara yang dilakukan oleh orang dewasa. Perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja ini akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal (Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Ditambah pula dengan semangat remaja yang membara di dalam diri, menyebabkan mereka lansung tidak memikirkan sebab dan akibatnya kelak. Ia dapat dilihat melalui kenyataan responden ini sendiri yang tidak tahu kenapa dia melakukan sesuatu perkara tersebut.

Mereka juga mempunyai ego yang tinggi dimana mereka ingin menunjukkan yang mereka telah dewasa dan mampu membuat keputusan sendiri. Keputusan yang mereka lakukan adalah mengikut perasaan dan hanya menginginkan keseronokan. Mereka tidak menghiraukan nasihat dan kata-kata orang sekeliling yang dberikan. Arief dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi.

### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Kajian juga mendapati remaja yang kurang asas pegangan agamanya mudah terpengaruh dan lalai apabila berhadapan dengan sesuatu perkara. Ini menyebabkan mereka membuat keputusan yang salah dan mengikut emosi. Oleh yang demikian, keperibadian remaja haruslah dibentuk sebaiknya agar kelak ia mampu untuk membina jati diri sendiri. Selain dipengaruhi mereka juga



didominasi oleh rakan sebaya (Brown, 1990). Hasil kajian mendapati kebanyakan penghuni di Rumah Sahabat PERKID terjebak dengan masalah sosial kerana terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan. Ini kerana mereka banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan berbanding keluarga. Pemilihan rakan-rakan memainkan peranan penting dalam membentuk seseorang remaja itu.

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, responden terlibat dalam masalah social disebabkan mahukan kemewahan, lantas mereka kerap melakukan masalah sosial seperti berjudi bagi mendapatkan kemewahan dengan segera. Namun, berjudi merupakan pertaruhan yang bergantung kepada nasib, jika tidak bernasib baik, maka si penjudi akan menanggung kerugian daripada perjudiannya. Akibat daripada itu, si penjudi akan mula meminjam duit daripada ceti haram bagi melakukan pertaruhan. Daripada situ masalah sosial yang dialami remaja tersebut akan berkembang dan membahayakan orang sekeliling serta ahli keluarga. Kajian turut mendapati ada remaja yang melarikan diri dari rumah kerana ingin hidup bebas bersama rakan-rakan di bandar. Ini kerana, mereka berfikir dengan melakukan perkara tersebut ianya dapat mengurangkan beban yang ditanggung keluarga terhadap mereka. Namun pada hakikatnya mereka lebih mendatangkan beban terhadapa keluarga apabila melakukan perkara tersebut.

## Keluarga

Ibu bapa merupakan individu paling hampir dalam pembentukan awal akhlak remaja. Ibu bapa dan keluarga juga memainkan peranan penting dalam membentuk personality remaja. Berdasarkan kajian yang dilakukan mendapati remaja akan meniru segala perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa serta keluarganya, tidak kira yang baik maupun yang kurang baik. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan Loeber (1986) dan Rowe (1992) yang mendapati bahawa kebanyakan remaja yang terlibat dalam tingkah laku devian sejak usia kanak-kanak mempunyai ahli keluarga atau ibu bapa yang juga pernah bertingkah laku sedemikian. Selain itu, dapatan kajian mendapati remaja mudah cenderung untuk melakukan masalah sosial apabila pengawasan ibu bapa dan keluarga terhadap mereka tidak dititikberatkan. Remaja akan merasa bebas untuk bergaul dengan sesiapa yang mereka inginkan. Ini menyebakan remaja



dengan sewenang-wenangnya melakukan perkara-perkara yang tidak patut tanpa merasa ragu-ragu dan risau dimarahi oleh keluarga.

Hasil kajian juga mendapati ibu bapa yang kurang memberikan kasih sayang terhadap mereka menyebabkan mereka terjebak dengan masalah sosial. Remaja pada ketika ini memerlukan perhatian yang lebih daripada ibu bapa kerana mereka memerlukan dorongan dan kekutan daripada ibu bapa untuk menempuh dunia luar. Jika ibu bapa tidak memberikan perhatian kepada mereka, ini menyebabkan mereka lebih selesa berada diluar rumah bersama rakan-rakan berbanding keluarga.

Justeru, secara ringkasnya dapat dikatakan bahwasanya ibu bapa merupakan salah satu penyumbang kepada remaja untuk terjerumus kearah masalah sosial. Ibu bapa seharusnya memahami dan mengetahui perkembangan remaja, pada ketika ini kerana remaja memerlukan perhatian dan bimbingan serta kasih sayang dari ahli keluarga. Ibu bapa juga seharusnya merapatkan jurang pergaulan dan hubungan dengan meluangkan masa berbincang secara bersemuka, bagi mengelakkan salah faham serta sentiasa menghormati dan memberi penghargaan kepada mereka agar mereka merasakan keluarga sentiasa ada dalam membantu perkembangan mereka.

## 5.2 Pendekatan Kaunseling Islam

Kaunseling adalah satu proses membantu seseorang individu memahami diri dan persekitarannya. Abd Ghani dan Kupusamy (2012), menjelaskan kaunseling sebagai satu proses pertolongan atau bantuan khas yang dihulurkan untuk klien kenali diri, minat, sikap dan matlamat diri. Proses membantu seseorang untuk memahami diri sendiri dan persekitarannya tidak berlaku secara sendiri, ianya memerlukan pendekatan-pendekatan yang sesuai berdasarkan teori-teori yang telah terbukti kesahihannya. Namun, di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah (PERKID) mempunyai pendekatannya sendiri dimana ianya dihasilkan daripada kombinasi sistem pembelajaran di Pondok, sistem disiplin tentera, sistem psikologi di Agensi Anti Dadah



Kebangsaan (AADK) dan sistem pengurusan barat. Kombinasi pendekatan yang digunakan oleh PERKID ini boleh dikatakan sebagai satu kombinasi yang hampir sempurna. Ini kerana, setiap kebaikan daripada teori-teori yang diambil itu digabungkan dan dijadikan satu pendekatan untuk membantu memulihkan remaja bermasalah ini. Kombinasi pendekatan ini dapat dilihat apabila pihak PERKID menggunakan salah satu sistem barat iaitu kaedah kontrak. Kaedah kontrak ini digunakan agar dapat memudahkan urusan pentadbiran dan pengurusan pelatih-pelatih tersebut.

Setiap kontrak disertakan pelbagai syarat dan minima kontrak itu selama 2 tahun bagi setiap ahli baru yang dihantar disini. Pada tahun pertama, para pelatih akan diajar untuk mempelajari dan memahami ilmu agama, ilmu dunia, dan pelbagai ilmu-ilmu lain lagi menerusi sistem pembelajaran pondok. Manakala pada tahun kedua merupakan tahun penilaian dan mencari kelebihan terhadap pelatih tersebut. Seandainya para pelatih tersebut menunjukkan satu peningkatan yang positif, maka pelatih tersebut akan diberikan tugas sebagai ketua bahagian bagi membantu pelatih-pelatih yang lain. Para pelatih disini juga tidak dipanggil sebagai pelatih. Ini kerana, pihak PERKID tidak mahu menggambarkan pelatih sebagai penjenayah. Pihak PERKID memanggil para pelatih dengan nama “Anak Bina” kerana setiap pelatih yang masuk ke PERKID dianggap sebagai anak. Jika dipanggil sebagai pelatih, mereka merasakan itu terlalu jauh dan menyukarkan mereka untuk membantu para pelatih. Oleh yang demikian, mereka memanggil pelatih sebagai anak bina dan menganggap mereka sebagai anak sendiri dan perlu membina jati diri mereka kembali.

Menurut salah seorang responden panggilan-panggilan seperti itu membina kehidupan yang penuh kasih sayang dan keakraban, malahan akan menghindarkan rasa benci dan permusuhan. Al-Quran juga ada menyebut tentang ini didalam Surah al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud:

*"...dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman."*



Justeru, panggilan anak bina ini amatlah memberi kesan yang besar kepada pelatih dimana mereka akan merasa disayangi dan bersemangat untuk kembali ke pangkal jalan.

Pendekatan yang digunakan PERKID ini secara asasnya merupakan pendekatan kaunseling Islam kerana ianya dapat dilihat melalui pendekatan Modul 5B. Modul 5B PERKID ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi misi kepada setiap anak bina yang berada di PERKID. Dimulakan dengan Berubat, bertaubat, beribadah, bermujahadah dan berhijrah. Dalam modul ini, PERKID memfokuskan kepada kaedah perubatan Islam yang tidak menggunakan ubat-ubatan sintetik yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ataupun Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK). Diantara usaha-usaha pengubatan PERKID adalah dengan meminum atau mandi menggunakan air yang keluar dari bumi dan dicampurkan dengan air zamzam. Seterusnya dengan melakukan amalan-amalan yang bersanad setiap hari seperti *Manaqib, Musabba'at* dan sebagainya.

### **Bertaubat**

Modul Bertaubat ini mengkhususkan kepada cara-cara dan adab bertaubat yang betul. Bagi anak-anak bina PERKID yang pernah melakukan kesalahan mahupun dosa, bertaubat ini menjadi rutin harian mereka supaya mereka menyesali apa yang telah mereka lakukan dan berazam untuk tidak mengulangi semula apa yang telah dilakukan oleh mereka suatu ketika dahulu.

### **Beribadah**

Dalam modul ini, penekanan terhadap disiplin yang perlu dijaga oleh anak bina di PERKID. Setiap perkara perlu dilakukan dengan berdisiplin kerana ia menjadi syarat pengukuran kepada sesuatu kejayaan dan kehebatan.



## Bermujahadah

PERKID mendidik remaja berisiko ini untuk bermujahadah dalam melakukan apa jua perkara. Setiap perkara mesti dilakukan secara bersungguh-sungguh supaya hasil yang bakal dicapai adalah seperti apa yang telah dirancang ataupun lebih baik lagi.

## Berhijrah

Modul yang terakhir ini memfokuskan kepada usaha untuk mengubah sesiapa sahaja yang masuk ke PERKID untuk ini menjadi lebih baik. Itulah yang dimaksudkan dengan berhijrah dan bagi anak bina disini, mereka diumpamakan seperti baru dilahirkan semula iaitu telah kembali kepada fitrah sebagai seorang manusia. Ini bertepatan dengan visi PERKID itu sendiri. Pendekatan di PERKID ini juga mempunyai proses dan tahap-tahap tertentu dimana bagi anak bina yang baru dimasukkan di PERKID, mereka akan diasingkan daripada anak bina yang telah lama masuk. Ini bagi membolehkan mereka melalui proses muhasabah diri atau *rewash* yang mengambil masa minima selama 40 hari. Dalam proses ini, anak bina akan diletakkan di dalam bilik *detox*.

## Bilik Detox

Bilik *detox* merupakan bilik kuarantin yang hanya akan diduduki bagi anak bina yang baru masuk dan yang bermasalah sahaja. Bilik ini akan diduduki secara bercampur bersama anak bina lain yang baru masuk. Di dalam bilik ini, anak bina akan diajarkan mengaji, solat, cara bertaubat, zikir-zikir, wirid-wirid, puasa dan pelbagai lagi perkara asas agama yang perlu diketahui sebagai seorang muslim. Di dalam bilik *detox* ini juga, penekanan yang paling utama adalah terhadap taubat. Bagi anak bina yang berkelakuan baik dan melaksanakan amalan-amalan yang telah diajarkan tanpa sebarang masalah, mereka akan dikeluarkan dari bilik *detox* dan boleh duduk bersama anak bina yang lain. Manakala bagi anak bina yang mempunyai masalah, masa mereka didalam bilik *detox* akan dilanjutkan sehingga mereka benar-benar bertaubat. Selain itu, bagi anak bina yang telah keluar dari bilik *detox*, pendekatan yang diterapkan kepada mereka merupakan kesinambungan pendekatan yang dijalankan di dalam bilik *detox* iaitu pendekatan rohani dan spiritual. Namun begitu, pendekatan secara jasmani juga diterapkan di PERKID dengan adanya pelbagai aktiviti-aktiviti yang mampu meransang dan membantu remaja untuk



berubah. Menerusi dua penekanan yang diterapkan di PERKID ini, aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah menurut jadual yang telah disediakan di PERKID, namun ia dipecahkan mengikut beberapa aspek antaranya,

### Aktiviti Kerohanian

Aktiviti kerohanian merupakan aktiviti yang menekankan tentang keagamaan. Ianya bagi mendekatkan kembali diri seseorang muslim yang telah jauh terpesong itu kepada agamanya. Aktiviti ini akan menekankan segala keperluan yang diperlukan didalam agama. Antara aktiviti yang paling dititik beratkan terhadap anak bina adalah solat. Pertubuhan Kebajikan Darul Islam Malaysia (PERKID) sangat mengambil berat akan syariat terutamanya amalan solat iaitu solat fardhu dan solat sunat. Setiap anak bina di PERKID diwajibkan untuk menunaikan solat kerana solat merupakan tiang agama. Anak bina juga diwajibkan solat di awal waktu, ini kerana dapat membantu seseorang itu menjadi manusia yang lebih berdisiplin.

سَيِّلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَعْمَالْ أَفْضَلُ، قَالَ الصَّلَاةُ لَأُولُوْ وَقْتِهَا (رَوَاهُ)  
(الترمذي)

Maksudnya: “Ditanya Nabi SAW, apakah amalan yang terbaik, maka jawab Nabi:

Solat di awal waktu”. (Riwayat Tirmidzi)

Selain solat fardhu, iaitu solat subuh, solat zohor, solat asar, solat maghrib dan solat isya”, anak bina disarankan untuk melakukan solat *nawafil* ataupun solat sunat seperti solat dhuha, solat taubat, solat hajat dan lain-lain. Bagi anak bina lelaki, mereka akan solat secara berjemaah di surau di mana iman dan bilal terdiri dalam kalangan anak bina itu sendiri. Dalam pada masa yang sama juga, anak bina akan melakukan zikir-zikir khusus, zikir-zikir pebersihan hati, dan zikir-zikir taubat. Meskipun begitu, mereka akan tetap dipantau oleh warden bagi memastikan keadaan berjalan lancar.



Solat secara berjemaah dijadikan salah satu proses pemulihan di pusat ini adalah kerana melaluianya anak bina akan merasa seperti berada dalam sebuah keluarga yang besar dan dipenuhi dengan ikatan kasih sayang sesama mereka. Maka dari situ akan lahirnya kasih sayang daripada ukhwah yang terjalin dapat mengantikan kasih sayang dari keluarga sendiri dimana secara tidak langsung dapat menjadikan mereka rasa dihargai dan disayangi walaupun telah dimasukkan ke pusat ini. Perasaan kasih sayang dapat melembutkan dan menjinakkan hati yang keras serta dapat melahirkan semangat bersatu padu sesama anak bina.

Seterusnya amalan memberi tazkirah yang secara umumnya bermaksud peringatan. Tazkirah merupakan salah satu proses pemulihan yang dijalankan di PERKID. Orang Mukmin hendaklah sentiasa saling memperingatkan antara satu sama lain. Tugas memperingatkan antara satu sama lain dapat menyelamatkan saudaranya daripada melakukan kemungkaran atau berada dalam kesusahan. Pihak PERKID telah menyediakan jadual serta tajuk atau skop tazkirah yang akan disampaikan kepada anak bina. Antara skop atau tajuk tazkirah yang telah ditetapkan ialah berkaitan sejarah Islam, hadis dan juga isu-isu semasa, kemudian ia akan dijelaskan kepada anak bina agar mereka dapat mengambil manfaat dari majlis seperti ini. Dalam pada masa yang sama, anak bina akan diberikan peluang untuk diajukan soalan dan berbincang bagi mengetahui lebih lanjut mengenai agama.

Seterusnya pula amalan wirid dan zikir yang mana ianya menjadi amalan utama dalam proses pemulihan anak bina di PERKID. Bagi anak bina yang baru dimasukkan ke PERKID, mereka dikehendaki menghafal wirid-wirid dan zikir tersebut. Wirid-wirid yang digunakan dalam proses pemulihan ini antaranya ialah wirid perubatan dan wirid ruqyah. Wirid perubatan ini perlu dihafal oleh pelatih-pelatih serta dibaca pada setiap lepas solat Subuh dan Asar. Tujuan wirid ini dibacakan adalah untuk menjadi pendinding bagi diri anak bina dari syaitan dan jin. Pembacaan wirid ini akan diketuai oleh seorang anak bina yang juga merupakan imam solat Subuh dan Asar yang telah dilantik dari kalangan mereka sendiri.



PERKID juga menjadikan amalan bertaubat sebagai salah satu daripada 5 modul yang digunakan untuk mendidik remaja berisiko. Taubat yang dimaksudkan disini adalah dengan melakukan taubat nasuha iaitu menyesali dengan sebenar-benar menyesal akan kesilapan atau dosa yang terlah dilakukan sebelum ini.

Taubat Nasuha adalah bertaubat dari dosa yang dilakukan ketika ini dan menyesal atas dosa-dosa yang dilakukan pada masa lalu dan berniat sepenuh hati untuk tidak melakukannya lagi pada masa akan datang. Justeru, anak bina disini diwajibkan untuk menyesali akan dosa-dosa yang dilakukan dan bertaubat dengan sebenar-benar taubat agar Allah menerima taubatnya sejajar dengan firman Allah didalam surah al-Maidah ayat 39 yang bermaksud:

*Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahanan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

PERKID juga menekankan amalan berpuasa sunat. Puasa adalah merupakan amalan yang dapat mencegah seseorang melakukan kemungkaran serta memberi peluang kepada seseorang untuk merasai kesusahan dalam menghadapi pelbagai ujian dan cabaran dalam hidup. Bagi anak bina dia PERKID mereka diwajibkan untuk berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis, ini merupakan amalan kebiasaan yang dilakukan oleh mereka. Manakala bagi anak bina yang masih berada di dalam bilik detox, mereka akan berpuasa dari Isnin hingga Khamis selama dua bulan.

Tujuan diwajibkan berpuasa kepada pelatih-pelatih adalah untuk melatih diri pelatih supaya lebih sabar dan tabah dalam menghadapi dugaan yang diberi oleh Allah S.W.T. kepada hamba-hamba-Nya selain merasai kenikmatan hidup kerana telah diberi peluang untuk membaiki diri ke arah yang lebih baik. Dengan berpuasa juga anak bina ini dapat menyucikan hati mereka serta merasakan diri mereka berada lebih dekat dengan Allah S.W.T. Berpuasa ini juga dapat meningkatkan rasa keinsafan dan kesedaran terhadap penderitaan umat Islam lain yang hidup



melarat. Islam sendiri menganjurkan umatnya bersederhana dalam hal-hal yang berkaitan pemakanan (Yunus, Don, & Shafie, 2011).

Seterusnya solat sunat seperti qiamulail yang kebiasaanya diadakan pada setiap hari Sabtu malam Ahad pada jam 4.30 pagi sehingga menjelang waktu subuh. Qiamulail juga merupakan salah satu proses pemulihan yang dijalankan oleh pihak PERKID kepada anak bina. Qiamulail ialah bangun beribadat pada waktu malam. Antara ibadah-ibadah yang biasa dilakukan dalam qiamulail ini ialah solat-solat sunat seperti solat sunat hajat, solat sunat tahajud, solat sunat taubat, witir dan lain-lain serta amalan-amalan membaca al-Quran, berzikir, beristighfar dan berdoa. (Yunus, Don, dan Shafie, 2011) Tujuan program qiamulail ini adalah salah satu proses pemulihan. Ini kerana, ianya dapat memberi peluang kepada anak bina untuk bermuhasabah diri. Sekiranya anak bina itu dapat muhasabah diri, mereka akan mengenalpasti kesilapan yang pernah dilakukan dan berazam untuk tidak mengulangi kesilapan yang sama serta memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari hingga mampu untuk membentuk keperibadian yang sihat, unggul serta bersih dari dosa sebagai persedian ke hari akhirat.

Selain itu, kelas-kelas fardhu ain dan al-Quran pula akan diadakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Anak bina akan diajarkan mengenai ilmuilmu yang berkaitan dengan fardu ain mengikut fasa tertentu. Begitu juga dengan pembacaan al-quran dimana anak bina akan diajar mengikut tahap tertertu. Ini kerana, ada dikalangan anak bina yang tidak mengenal lansung huruf-huruf di dalam al-Quran dan ada juga yang tidak mengetahui asas-asas agama. Kelas ini akan dikendalikan sendiri oleh warden dan beberapa orang penceramah dari luar yang dijemput.

Manakala setiap minggu pada hari Khamis malam jumaat akan diadakan bacaan surah yasin dan sembahyang hajat yang dipimpin oleh kakitangan PERKID ataupun dari kalangan anak bina yang telah dipercayai. Bacaan yasin yang diadakan pada setiap minggu ini akan dilakukan secara berjemaah bersamasama anak bina lelaki di Dewan Riyadhus Solihin, kem PERKID. Pada malam itu juga setiap anak bina dikehendaki membawa sebotol air syifa“ yang dibacakan surah Yaasin kemudiannya air tersebut akan diminum oleh anak bina secara berjemaah. Setiap anak



bina dikehendaki memulakannya dengan bacaan bismillah, al-Fatihah, selawat nabi kemudian niat dalam hati apa tujuan air tersebut diminum.

### Aktiviti Jasmani

Bagi aktiviti jasmani, setiap pagi dan petang PERKID akan mengadakan *Master*. *Master* merupakan perhimpunan yang akan disertai oleh anak bina dan pegawai PERKID. Di dalam himpunan ini, mereka akan berada dalam satu barisan sepetimana berkawad dan akan dikira berapa ramai jumlah yang ada kesemuanya. Anak bina yang mempunyai apa-apa masalah akan diberi peluang untuk disuarakan. Dari sini, pegawai PERKID akan mengetahui siapa yang mempunyai masalah, sakit, dan siapa yang tiada. Dengan ini, tindakan akan dapat diambil bagi membantu masalah yang dihadapi anak bina.

Selain itu, PERKID tidak ketinggalan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang membakar semangat anak bina dengan mengadakan kem motivasi yang mana ianya diadakan bertujuan untuk menggalakkan anak bina menghayati dan mengamalkan solat dalam kehidupan mereka. Kem motivasi ini bukan terhad didalam kawasan PERKID sahaja, malahan diluar kawasan PERKID. Antara pengisian program ini adalah ceramah tentang kepentingan solat, ceramah mengenai pengurusan diri, aktiviti-aktiviti *advanture* dan lain-lain lagi.

Selain kem motivasi, aktiviti jasmani utama pada ketika ini adalah bertukang. Pihak PERKID pada ketika ini sedang berusaha untuk membina dan menyiapkan asrama perempuan di kem PERKID. Aktiviti ini diturut serta oleh anak bina dan dikendalikan oleh seorang tukang rumah yang berpengalaman. Setiap bancuhan, tampalan, susunan batu-bata dan lain-lain akan diajar oleh tukang rumah tersebut secara praktikal dan anak bina akan melakukannya kembali secara praktikal. Aktiviti ini secara tidak lansung dapat memberi ilmu baharu kepada anak bina tentang pertukangan dan dapat membantu anak bina dalam membina kerjaya apabila keluar nanti.



PERKID juga mengadakan gotong royong di antara kakitangan dan anak bina setiap bulan. Melalui aktiviti ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara kakitangan dan anak bina serta dapat memupuk semangat kerjasama dan sikap tolong menolong antara satu sama lain. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat bekerja dan bantu membantu sesama mereka selain dari memastikan kawasan sekitar sentiasa bersih dan menjauhkan diri dari penyakit. Aktiviti gotong-royong ini merupakan aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh anak bina di sini. Mereka akan bersama-sama membersihkan kawasan sekitar asrama. Antara bahagian-bahagian yang perlu dibersihkan oleh anak bina ialah seperti kawasan dapur, tempat tidur, ruang tamu dan kawasan sekitar yang berada di dalam asrama mereka. Setiap kumpulan ini akan diketuai oleh seorang anak bina yang telah diberi kepercayaan oleh PERKID untuk mengarahkan anak-anak buah mereka melaksanakan tugas tersebut.

Selain itu, aktiviti bercucuk tanam dan menternak juga diadakan di PERKID. Tanaman akan ditanam sendiri oleh anak bina di sekitar kawasan kem PERKID dan hasilnya nanti akan dinikmati bersama oleh anak bina. Pelbagai jenis sayur-sayuran yang ditanam di kem ini anataranya cili, timun, kacang panjang dan sebagainya. Manakala ternakan pula hanya terdiri daripada ayam. Setiap aktiviti ini telah dibahagikan tugas oleh pegawai PERKID dimana terdapat anak bina yang menjadi ketua di setiap bahagian. Aktiviti ini bertujuan bagi memupuk rasa kasih sayang terhadap makhluk lain selain manusia dan rasa kesabaran didalam jiwa anak bina kerana bercucuk tanam memerlukan masa untuk dituai hasilnya dan kadang kala ianya tidak menjadi seperti yang diharapkan.

Bersukan juga ada diterapkan di dalam pendekatan yang dilakukan PERKID. Ini kerana bersukan adalah aktiviti riadah yang dapat mengeluarkan peluh daripada tubuh badan kita. Islam membenarkan apa-apa yang baik dan bermanfaat kepada manusia. Islam juga menggalakkan umatnya menjadi kuat dan mencari jalan untuk kuat. Antara sukan yang di jalankan di PERKID bagi anak bina lelaki adalah sepak raga dan futsal. Aktviti ini akan diturut serta oleh pegawai-pegawai PERKID sendiri termasuklah pengasasnya iaitu Ustaz Masridzi.



Justeru, secara ringkasnya dapat disimpulkan disini pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak PERKID merupakan pendekatan kaunseling Islam yang mempunyai 3 elemen utama iaitu syariat, akhlak dan ketuhanan. Ketiga-tiga elemen ini mempunyai unsur-unsur yang membawa manusia kearah asasnya manusia diciptakan iaitu untuk beriman kepada Allah. Elemen syariat dapat dilihat daripada penekanan pihak PERKID terhadap solat, puasa, dan lain-lain. Ini merupakan asas panduan menyeluruh dan sempurna bagi membantu anak bina meneruskan kehidupan didunia ini. Manakala elemen akhlak dapat dilihat daripada didikan terhadap anak bina untuk berkelakuan baik kepada tetamu-tetamu yang hadir ke PERKID. Selain daripada bertaubat, anak bina juga digalakkan supaya sentiasa beristighfar dan ini amalan menjadi permulaan bagi *ratib Musabba'at*. Antara fadhilat-fadhilat beristighfar ini dapat membersihkan hati manusia supaya menjadi lebih suci dan mudah untuk menerima nasihat. Apabila hati menjadi bersih, perlakuan juga akan terjaga kerana daripada hati yang bersih akan menzahirkan akhlak yang terpuji.

Elemen ketuhanan pula dapat dilihat daripada program pembacaan Yaasin, zikirzikir, dan melalui tenaga kerja yang dilakukan. Tenaga kerja yang dimaksudkan disini adalah melalui bercucuk tanam, penternakan dan pembinaan dimana mereka tetap berterusan bekerja tanpa mengenal erti penat dan lelah kerana yakin rezeki Allah S.W.T. berada di mana-mana. Ini sedikit sebanyak mendidik anak-anak bina ini untuk terus beriltizam, beristiqamah dan bertawakkal kepada Allah S.W.T. dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak mengambil jalan mudah untuk memenuhi kepuasan ataupun keperluan diri.

Artikel ini memfokuskan peranan kaunseling Islam dalam membantu remaja yang telah terjebak dengan masalah sosial. Kajian ini tertumpu kepada dua objektif iaitu faktor-faktor berlakunya masalah sosial dikalangan remaja yang semakin hari semakin membimbangkan dan pendekatan kaunseling yang paling sesuai digunakan bagi menangani masalah sosial. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan instrumen temu bual terhadap tiga orang pegawai dan empat orang pelajar. Pendekatan kajian kualitatif ini membolehkan pengkaji mendalamai sesuatu



proses secara mendalam, menyeluruh dan membenarkan pengkaji mengumpul data secara terperinci dari perspektif peserta kajian. Hasil kajian menunjukkan faktor utama berlaku masalah sosial adalah kerana pengaruh rakan-rakan. Manakala pendekatan yang digunakan merupakan pendekatan kaunseling Islam yang menekankan aspek rohani atau spiritual.

## 6.0 KESIMPULAN

Jelas dapat dilihat bahawa peranan kaunseling Islam sangat penting dalam membantu pihak-pihak tertentu untuk menangani masalah ini. Selain pihak-pihak tertentu, masyarakat juga haruslah bersama-sama membantu bagi membendung dan membantu meringankan masalah sosial dikalangan remaja yang semakin membimbangkan. Ini kerana, remaja merupakan insan yang akan mencorak masa depan sesebuah Negara, bangsa dan agama. Tanpa remaja yang berkualiti, Negara, bangsa dan agama akan mudah ditindas. Peranan kaunseing Islam seharusnya diketengahkan lagi bagi membantu pihak-pihak tertentu dan juga masyarakat dalam menangani masalah sosial yang semakin hari semakin membimbangkan. Penerapan ilmu keagamaan dan elemen kerohanian dalam setiap perkara perlulah diberi penekanan kepada remaja bermasalah agar mereka dapat kembali kepada fitrah itu sendiri.

Pelbagai pihak dan lapisan masyarakat seharusnya memberikan sokongan kepada remaja-remaja yang telah terjebak dalam masalah sosial yang mempunyai keinginan untuk berubah. Ini kerana, sokongan dan bantuan sekeliling dapat memberikan semangat dan keinginan yang kuat buat remaja bermasalah untuk berubah. Hasil kajian mendapati, di dalam proses membantu remaja untuk berubah akan terdapat pelbagai cabaran dan halangan dari pelbagai aspek. Namun, sebagai pihak yang bertanggungjawab bagi membantu memulihkan remaja bermasalah, cabaran dan

halangan ini seharusnya ditangani dengan baik. Manakala pihak-pihak berwajib seharusnya memberikan bantuan agar pusat kebijakan ini dapat terus bergerak bagi membantu remaja bermasalah.



Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati peranan kaunseling Islam itu seharusnya diterapkan dari pelbagai sudut dan lapisan masyarakat. Peranan kaunseling Islam itu sendiri terdiri daripada elemen kerohanian yang seharusnya diterapkan dari zaman kanak-kanak sehingga zaman dewasa. Seandainya penerapan ini diterapkan, kebarangkalian untuk berlakunya masalah sosial di kalangan remaja dapat dikurangkan. Namun begitu, penerapan elemen kerohanian tersebut mestilah merangkumi hal-hal berkaitan syariat, akhlak dan ketuhanan. Ketiga-tiga perkara ini merupakan asas kepada agama Islam dan akan menjamin kehidupan yang sejahtera.

## RUJUKAN

Abdul Halim Othman. Md. Shuaib Che Din. Sapora Sipon. 2000. Latihan Kaunseling Di Malaysia: SatuUlasan dan Cadangan. PERKAMA

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. Abdul Ghafar Don. Madiha Shafie. 2011. Aktiviti Dakwah Pertubuhan Kebajikan Darul Islah (Perkid) Terhadap Para Pelatih. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia

Amaludin Bin Ab. Rahman. Zainal Bin Madon. T.t. Kaunseling Menjana Kesejahteraan Hidup Remaja .Universiti Putra Malaysia.

Aziz Salleh. 1993. Kaunseling Islam Asas. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya. Muhamad Jumat Aliju. T.t. Pengaruh Negatif Rakan Sebaya. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahaya. Mohd Najib Ab. Ghaffar. Badrulzaman Baharom. T.t. Persekutaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahaya. Noordin Yahaya. Juriah Juriah @ Daing Junaidah Bte Hj. Bachok. T.t. Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Mara (Melaka).



Azzyati Mohd Nazim. 2015. Aktiviti-Aktiviti Pendakwah Wanita Ngo Islam Dan Pengaruhnya Terhadap Dakwah Remaja Berisiko. Universiti Sultan Zainal Abidin.

Badrulzaman Bin Baharom. 2006. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Fariza Md Sham. Azzyati Mohd Nazim. 2015. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fatimah Binti Ali. 2007. Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran. Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Universiti Malaya.

Halimah Abd Halim. Zainab Ismail. 2015. Pendekatan Pencegahan Kaunselor Muslim Dalam Menangani Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Klang, Selangor. International Journal of Islamic Thought.

Haris Abd. Wahab. 2004. Masalah Sosial di Bandar Semenanjung Malaysia: Tinjauan Daripada Perspektif Masyarakat Malaysia. Jati.

Kamal Abd. Manaf. 1995. Kaunseling Islam: Perbandingan Antara Amalan dan Teori Kaunseling Barat. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Khalim Zainal. Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. Journal of Islamic and Arabic Education.

Mardhiyyah Zamani. Nurazan Mohmad Rouyan. 2016. Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi “Kisah Seorang Anak Kampung”. Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Malaysia.

Manchelah A/P Natesan. 2017. Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Malaysia. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.

Mohamed Sharif b. Mustaffa. 1998. Kaunseling Islam. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.



Mohamed Sharif Mustaffa. Roslee Ahmad. Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2003. Konsep Dan Peranan Kaunseling Dalam Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Abu Bakar Bin Shis. 2011. Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Menetap Di Kolej Sembilan (K9), Kolej Sepuluh (K10), Dan Kolej Perdana (Kp) Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia.

Nazhar Bin Abdul Karim. 2011. Peranan Dan Fungsi Bahagian Penguatkuasaan Dalam Menangani Gejala Maksiat: Satu Kajian Di Jabatan Agama Islam Shah Alam Selangor. Universiti Teknologi Malaysia.

Nurzatil Ismah binti Azizan. Nazneen Ismail. Sahlawati Abu Bakar. Zanariah Dimon. Asma\*\* Wardah Surtahman. 2015. Permasalahan Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Selangor: Satu Tinjauan. ICOD. Kuala Lumpur.

Nurzatil Ismah Binti Azizan. Nazneen Binti Ismail. Sahlawati Abu Bakar. Zanariah Dimon. Nurul Husna Mohd Jabar. 2016. Pendekatan Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial Di Pusat Perlindungan Mais Menurut Perspektif Pelatih. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Noriati A. Rashid. 2005. Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu jurnal Pengajian Me!ayu, jilid 15.

Nor Adibah Ibrahim. Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2015. Keperluan Modul Kaunseling Standard Kepada Muallaf Di Malaysia. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis.

Rahimi Che Aman. 2013. Kekuatan dan Cabaram Kaunseling Brief dari Perspektif Pelajar Program Kaunseling. Universiti Sains Malaysia.

Rozmi Ismail. Nor Azri Ahmad. Fauziah Ibrahim. Salina Nen. 2017. Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekutaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. Akademika 87(1)

Roslee Ahmad. Mohamed Sharif Mustaffa. Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2008. Pendekatan Kaunseling Daripada Perspektif Islam. International Conference on the Education of Learner Diversity (ICELD08), Putrajaya



Sapora Sipon. T.t. Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah.

Othman Md Johan. Norazmah Mohamad Roslan. T.t. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Universiti Teknologi Malaysia.

Prof. Madya Dr Azizi bin Hj Yahaya. Rosnah Binti Hj Buang. T.t. Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri. Universiti Teknologi Malaysia.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. Faridah Binti Che Husain. T.t. Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah Bagi Kesejahteraan Insan Dan Peradaban Ummah. Akademi Pengajian Islam (APIUM), Universiti Malaya.

Zainudin Sharif. Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Universiti Teknologi Mara.

Zainuddin Abu. Zuria Mahmud. Salleh Amat. 2008. Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes. Jurnal Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zanariah Dimon. Nurzatil Ismah Binti Azizan. Nazneen Binti Ismail. Sahlawati Abu Bakar. Nurul Husna Mohd Jabar. 2016. Pemulihan Masalah Sosial Remaja